



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BIL. 1 /2022

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengarah Insolvensi Bahagian
Pengarah Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

PEMBATALAN ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BIL. 4/2018

TUJUAN

1. Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Cawangan berkenaan dengan pembatalan Arahan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) Bil. 4/2018.

DEFINISI DAN TAFSIRAN

2. Bagi tujuan arahan ini –

- (i) "Cawangan" merujuk kepada semua Cawangan Mdl;
- (ii) "Ibu Pejabat" merujuk kepada Bahagian Kebankrapan;

LATAR BELAKANG

3. Ibu Pejabat telah membuat semakan semula terhadap kerelevanan Arahan KPI Bil. 4/2018 iaitu berkenaan dengan Garis Panduan Kriteria Pertimbangan Dan Syarat-syarat Pelepasan Bankrap Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi (Permohonan *Ad-Hoc*).

4. Berikutan Arahan KPI Bil. 1/2020 iaitu berkenaan dengan Garis Panduan Penurunan Kuasa Kepada Cawangan Untuk Mengeluarkan Notis Kepada Pemiutang Mengenai Niat Untuk Mengeluarkan Perakuan Pelepasan Dan Penubuhan Jawatankuasa Kecil Pelepasan (JKP) telah dikuatkuasakan dan dibuat penambahbaikan melalui adendum kepada arahan tersebut, maka Mesyuarat Dasar Dan Semakan Garis Panduan (Khas) Bil. 1/2022 yang telah diadakan pada 19 Januari 2022 telah bersetuju Arahan KPI Bil. 4/2018 dibatalkan.

PEMBATALAN

5. Sehubungan dengan itu, Arahan KPI Bil. 4/2018 dengan ini dibatalkan.

KUAT KUASA

6. Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.



(DATO' ANITA HARUN)
Ketua Pengarah Insolvensi
Jabatan Insolvensi Malaysia

Tarikh: 20 Januari 2022